



KENYATAAN MEDIA
STATISTIK IMBANGAN PEMBAYARAN MALAYSIA
SUKU PERTAMA 2021

Lebih Akaun Semasa Malaysia bagi ST1 2021
meningkat 39.1 peratus tahun ke tahun kepada RM12.3 bilion

PUTRAJAYA, 11 Mei 2021 – Jabatan Perangkaan Malaysia hari ini mengeluarkan **Statistik Imbangan Pembayaran Suku Tahun Pertama 2021** yang merekodkan transaksi rentas sempadan Malaysia dengan 208 negara di dunia.

Ketua Perangkawan, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menekankan bahawa Imbangan Akaun Semasa Malaysia (CAB) merekodkan lebih RM12.3 bilion pada suku pertama 2021 berbanding RM18.6 bilion pada suku sebelumnya. Prestasi yang baik dalam Barangan dapat dilihat pada suku ini kerana kebanyakan negara telah mengurangkan sekatan yang berkaitan COVID-19, memberikan ruang untuk kelancaran kegiatan ekonomi dengan mematuhi Prosedur Operasi Standard yang ketat. Oleh itu, eksport barangan meningkat kepada RM225.5 bilion berbanding RM217.2 bilion pada suku keempat tahun lalu. Eksport utama adalah produk berasaskan Elektrik & Elektronik, Getah dan Kimia; terutamanya ke China, Singapore dan USA. Pada masa yang sama, import barangan melonjak sebanyak RM14.3 bilion kepada RM188.9 bilion berbanding suku sebelumnya. Peningkatan dalam import barang perantaraan dan modal terutamanya dari China, Singapore dan Japan menyebabkan peningkatan dalam import pada suku ini.

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menambah, "Lebih akaun semasa pada suku pertama juga didorong oleh defisit yang lebih rendah pada pendapatan Primer. Defisit bersih Pendapatan primer mengecil kepada RM5.7 bilion berbanding RM7.2 bilion pada suku keempat tahun 2020. Ini terutamanya disumbangkan oleh Syarikat Malaysia di luar negara yang memperoleh pendapatan lebih tinggi sebanyak RM17.3 bilion, meningkat 19.1 peratus dari suku sebelumnya. Kebanyakan sektor ini adalah Kewangan, Perlombongan dan Pembuatan yang terutamanya berlokasi di Singapore, Indonesia dan USA."

Namun demikian, Perkhidmatan mencatat defisit yang lebih tinggi sebanyak RM15.0 bilion berbanding suku keempat tahun 2020 disebabkan oleh Perjalanan, Pembinaan dan Perkhidmatan Perniagaan Lain. Penutupan sempadan yang berterusan berikutan pandemik menyebabkan Perjalanan yang merupakan penyumbang utama Perkhidmatan, kekal berada


dalam tren negatif dengan mencatat defisit bersih RM3.4 bilion. Selain itu, defisit Perkhidmatan yang lebih tinggi disebabkan oleh Perkhidmatan Perniagaan Lain yang mencatatkan defisit sebanyak RM0.8 bilion terutamanya dalam pembayaran untuk perkhidmatan teknikal dan perdagangan diikuti oleh Pembinaan dengan defisit sebanyak RM0.7 bilion kerana projek baru. Eksport Perkhidmatan menurun sebanyak 1.9 peratus suku ke suku kepada RM20.3 bilion pada suku pertama 2021 manakala import meningkat 1.4 peratus kepada RM35.2 bilion.

"Pada suku pertama 2021, Akaun Kewangan berubah arah kepada aliran masuk bersih sebanyak RM16.0 bilion daripada aliran keluar bersih RM10.2 bilion pada suku sebelumnya. Ini disebabkan oleh aliran masuk yang lebih tinggi dalam Pelaburan lain sebanyak RM13.9 bilion, terutamanya didorong oleh pinjaman antara-bank dari luar negara. Sementara itu, Pelaburan Langsung Asing (FDI) merekodkan aliran masuk bersih sebanyak RM9.1 bilion berbanding RM6.8 bilion pada suku sebelumnya. Aliran masuk FDI terutamanya disalurkan ke sektor Pembuatan, Kewangan dan Perdagangan borong & runcit; khususnya dari Singapore, United Kingdom dan Netherlands. Pada masa yang sama, Pelaburan Langsung Di Luar Negeri (DIA) juga mencatat aliran keluar yang lebih tinggi sebanyak RM7.8 bilion berbanding RM5.2 bilion pada suku akhir tahun lalu. Kewangan, Perlombongan dan Pembuatan adalah sektor utama untuk DIA manakala destinasi utama adalah Canada, Indonesia dan Singapore", Ketua Perangkawan menyatakan.


Ketua Perangkawan juga menyatakan bahawa pada akhir suku pertama 2021, kedudukan FDI mencatat RM713.4 bilion sementara kedudukan DIA adalah RM539.8 bilion. Kedudukan Pelaburan Antarabangsa Malaysia (IIP) mencatatkan kedudukan aset bersih RM106.4 bilion berbanding RM67.5 bilion pada suku lepas. Rizab antarabangsa berjumlah RM450.8 bilion berbanding RM432.3 bilion pada tahun sebelumnya.

Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 (Banci Malaysia 2020) secara Bersemuka dan dalam Talian (e-Census) sedang dilaksanakan di seluruh negara sehingga 30 Jun 2021. Semua penduduk Malaysia diseru untuk memberikan kerjasama dalam menjayakan Banci Malaysia 2020 bagi memastikan tiada yang ketinggalan kerana data anda adalah masa depan kita. Sila layari portal Banci Malaysia 2020 di www.mycensus.gov.my atau media sosial@ MyCensus2020 untuk maklumat lanjut.


Carta 1: Imbangan Akaun Semasa, 1985-2020 dan ST1 2018 – ST1 2021




Carta 2: Eksport Perkhidmatan, 1985-2020 dan ST1 2018 – ST1 2021



Carta 3: Pelaburan Langsung Asing (FDI) di Malaysia, Aliran dan Kedudukan, 2005 – 2020 dan ST1 2018 – ST1 2021



Carta 4: Pelaburan Langsung Malaysia di Luar Negeri (DIA) Aliran dan Kedudukan, 2005 – 2020 dan ST1 2018 – ST1 2021



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA**

11 MEI 2021



**MEDIA STATEMENT
FOR MALAYSIA'S BALANCE OF PAYMENTS STATISTICS
FIRST QUARTER OF 2021**

***Malaysia's Current Account Surplus for Q1 2021
increased 39.1 per cent year-on-year to record RM12.3 billion***

PUTRAJAYA, 11 May 2021 - The Department of Statistics, Malaysia today releases the **Balance of Payments Statistics for the First Quarter of 2021** which presents Malaysia's cross border transactions with 208 countries in the world.

The Chief Statistician, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin highlighted that Malaysia's Current Account Balance (CAB) recorded a surplus of RM12.3 billion in the first quarter of 2021 as against RM18.6 billion in the previous quarter. A favourable performance in Goods was seen in this quarter since most countries have eased on COVID-19 related curbs, giving space for smooth sailing in economic activities while adhering to a strict Standard Operating Procedures. As such, exports of goods increased to RM225.5 billion compared to RM217.2 billion in the fourth quarter of last year. The main exports were Electrical & Electronics, Rubber and Chemicals based products; principally to China, Singapore and USA. Concurrently, the imports of goods surged by RM14.3 billion to record RM188.9 billion as against the preceding quarter. The increase in intermediate and capital goods which were mainly from China, Singapore and Japan resulted to the higher imports of goods in this quarter.

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin added, "The current account surplus in the first quarter was also supported by the lower deficit in Primary income. The net deficit of Primary income narrowed to RM5.7 billion as compared to RM7.2 billion in fourth quarter of 2020. This was mainly contributed by Malaysian companies abroad earning higher income of RM17.3 billion, an increase of 19.1 per cent from the preceding quarter. Most of the sectors were Financial, Mining and Manufacturing which primarily located in Singapore, Indonesia and USA."

Nevertheless, Services logged a higher deficit of RM15.0 billion as compared to the fourth quarter of 2020 due to Travel, Construction and Other Business Services. The continuous closure of border caused by the pandemic has led Travel, the major contributor of Services, to remain in the negative trend by recording a deficit of RM3.4 billion. Adding to this, the higher deficit in Services was further attributed by Other Business Services which recorded a

deficit of RM0.8 billion especially for payments in technical and trade related services, as well as Construction at a deficit of RM0.7 billion owing to new projects. Exports of Services declined by 1.9 per cent quarter-on-quarter to RM20.3 billion in the first quarter of 2021 while imports increased by 1.4 per cent to record RM35.2 billion.

“In the first quarter of 2021, financial account turned around to a net inflow of RM16.0 billion from a net outflow of RM10.2 billion in the previous quarter. This was led by higher inflow in Other investment at RM13.9 billion, mainly contributed by interbank borrowing from abroad. Meanwhile, Foreign Direct Investment (FDI) recorded a net inflow of RM9.1 billion as compared to RM6.8 billion last quarter. The FDI inflow was primarily channelled into Manufacturing, Financial and Wholesale & retail trade sectors; particularly from Singapore, United Kingdom and Netherlands. Simultaneously, Direct Investment Abroad (DIA) also registered a higher outflow of RM7.8 billion as against RM5.2 billion in the final quarter of last year. Financial, Mining and Manufacturing were the major sectors for DIA while the main destinations were Canada, Indonesia and Singapore”, said the Chief Statistician.

The Chief Statistician also pointed out that as at end of first quarter 2021, FDI position recorded RM713.4 billion while DIA position was RM539.8 billion. Malaysia’s International Investment Position (IIP) registered a higher net assets position of RM106.4 billion as compared to RM67.5 billion in the previous quarter. The international reserves stood at RM450.8 billion as compared to RM432.3 billion in the preceding year.

The Malaysian Population and Housing Census 2020 (Malaysia Census 2020) via face to face and online (e-Census) is being conducted nationwide until 30th June 2021. All Malaysian residents are urged to cooperate in realising the success of Malaysia Census 2020 to ensure that no one is left behind as your data is our future. Please visit the Malaysia Census 2020 portal at www.mycensus.gov.my or social media@MyCensus2020 for more information.

Chart 1: Current Account Balance, 1985-2020 and Q1 2018 – Q1 2021




Chart 2: Exports of Services, 1985-2020 and Q1 2018 – Q1 2021




Chart 3: Foreign Direct Investment (FDI) in Malaysia Flows and Position, 2005 – 2020 and Q1 2018 – Q1 2021





Chart 4: Direct Investment Abroad (DIA) Flows and Position, 2005 – 2020 and Q1 2018 – Q1 2021



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA**

11 MAY 2021